

FAKTOR-FAKTOR EKSTRALINGUISTIK SEBAGAI PACUAN ASAS MEMBACA MURID TAHUN 1 DI SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN KE ARAH MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG BERKUALITI

Oleh

MUHAMMAD SAIFUL HAQ BIN HUSSIN (Ph.D)
UNIVERSITI MALAYA
ipul62@um.edu.my

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor ekstralinguistik dari aspek pendedahan bahasa, minat dan motivasi subjek kajian terhadap penguasaan asas bacaan melalui modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1). Seramai 35 orang murid sebagai subjek kajian daripada populasi seramai 69 orang pelajar Tahun 1 di Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Putera, Kota Bharu, Kelantan sesi 2009 telah dipilih. Mereka terdiri dari dua kumpulan yang diwakili oleh 25 orang untuk kumpulan 1 dan 10 orang untuk kumpulan 2. Pemilihan subjek kajian dibuat melalui ujian diagnostik, selain itu ada juga subjek kajian yang terlibat atas persetujuan ibu bapa atau penjaga mereka. Hasil kajian berasaskan ujian berstatistik khi kuasa dua pada bahagian 1 (Pendedahan bahasa) membuktikan bahawa hipotesis 1 hingga 6 menerima H_0 . Pada bahagian 2 (Motivasi dan sikap), hipotesis 1 dan 2 juga menerima H_0 , manakala hipotesis 3 dan 4 menerima H_a . Pada bahagian 3 (Kebolehpercayaan bahan) hasil analisis ujian juga mendapati tahap kebolehpercayaan bahan ujian mencatatkan nilai alpha 0.960 untuk pra ujian dan 0.891 untuk pasca ujian bagi kumpulan 1 (25 orang) subjek kajian. Dan nilai alpha 0.978 untuk pra ujian serta 0.970 untuk pasca ujian bagi kumpulan 2 (10 orang) subjek kajian. Kesemua nilai α didapati melebihi paras $df = .325$. Kesimpulannya kesemua keputusan mencatatkan $p > 0.05$ pada kedua-dua tahap ujian yang dijalankan sama ada pada peringkat pra ujian mahu pun pada peringkat pasca ujian. Bagi melihat perkaitan korelasi Pearson (r) pada paras signifikan $df .05$ ditetapkan untuk ujian dua sisi didapati pada bahagian pra bacaan mencatatkan 0.541 dan bahagian pelajaran pula mencatatkan 0.544. Kedua-dua bahagian tersebut menunjukkan paras signifikan $p > .05$. Hal ini membuktikan bahawa pendedahan bahasa melalui Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1) amat membantu subjek kajian dan dapat menimbulkan minat serta motivasi mereka untuk menguasai asas bacaan. Kesimpulannya kesemua subjek kajian menyatakan minat membaca modul. Selain itu pendedahan bahasa melalui Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1) juga amat membantu ibu bapa dan subjek kajian untuk menguasai asas bacaan. Didapati hampir kesemua ibu bapa dan subjek kajian menyatakan yang modul Asas Membaca (Edisi 1) adalah senang dan hanya setiap seorang daripada mereka yang menyatakannya susah. Hal ini demikian kerana kandungan dan gambar serta pendekatan membaca yang terdapat dalam modul tersebut diterapkan dengan pendekatan P & P berbentuk induktif yang menerapkan kemahiran daripada mudah kepada susah. Hal ini boleh menarik dan merangsang minat serta motivasi mereka untuk terus mempelajari dan menguasai setiap kemahiran yang terkandung di dalam modul tersebut. Dapatan keseluruhannya diperkukuhkan lagi dengan pencapaian ujian pelepasan Kemahiran Intensif Asas Membaca dan Menulis (KIA2M) yang mencatatkan keputusan kelulusan 100 peratus subjek kajian dalam kedua-dua tahap ujian pelepasan yang telah dijalankan.

Pendahuluan

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap penguasaan asas bacaan bahasa Melayu yang wujud pada peringkat Tahun 1. Hal ini demikian kerana pada peringkat inilah murid-murid seharusnya diterapkan dengan pembelajaran bahasa Melayu yang betul dari aspek lisan, bacaan dan tulisannya serta dapat memahami dan menguasai kemahiran asas dalam bidang-bidang tersebut. Hal ini demikian kerana sistem persekolahan di Malaysia adalah saling berkait di antara satu peringkat dengan satu peringkat yang lain. Oleh hal yang demikian sekiranya asas bacaan yang diikuti oleh pelajar Tahun 1 di sekolah kebangsaan ini bermula dengan permasalahannya maka timbunan (accumulative) permasalahan tersebut akan mendominasi setiap peringkat persekolahan dalam sistem persekolahan di Malaysia.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut :

1. untuk mengenal pasti faktor-faktor ekstralinguistik yang mempengaruhi proses pembelajaran di kalangan murid Tahun 1.
2. untuk mengetahui tahap kebolehan kemahiran membaca murid-murid Tahun 1.
3. untuk mengetahui kebolehan murid-murid Tahun 1 memahami apa yang dibaca.

Dapatan Kajian

Setelah selesai menjalankan penyelidikan, penyelidik membuat persembahan dapatan tentang data-data yang diperolehi. Data-data daripada ujian ke atas murid-murid dan temu bual berstruktur serta tidak berstruktur daripada ibu bapa atau penjaga dan guru-guru dianalisis secara manual dan dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) Version 17.0*. Penyelidik berusaha untuk melihat secara keseluruhan perkaitan dan perbandingan di antara kadar frekuensi cerapan pada sampel dengan frekuensi jangkakan pada populasi sama ada terdapat perbezaan secara signifikan atau pun tidak. Sebelum itu penyelidik telah membina hipotesis sebagaimana berikut:

Hipotesis kosong (H_0) : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah.

Hipotesis alternatif (H_a) :

Terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah.

Bahagian 1 : Pendedahan Bahasa (Rujuk Lampiran A)

Bahagian 1 bertujuan untuk menentukan tahap pendedahan bahasa Melayu pada peringkat asas bacaan subjek kajian. Skor keseluruhan item dianalisis melalui analisis khi kuasa dua bagi mencari perhubungan di antara dua pemboleh ubah data nominal.

Hipotesis 1: Tidak ada perbezaan yang signifikan antara hubungan pengalaman mengajar anak dengan jenis pekerjaan ibu bapa terhadap pendedahan bahasa.

Didapati nilai p^* ujian Khi Kuasa Dua adalah 0.503, iaitu $p > .05$. Dengan ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan di antara jenis pekerjaan ibu bapa sama ada daripada perkhidmatan kerajaan, swasta mahupun bagi mereka yang bekerja sendiri dengan pengalaman mengajar anak tentang asas bacaan. Maka, hipotesis nol (H_0) diterima.

Hipotesis 2: Tidak ada perbezaan yang signifikan antara hubungan tahap pendidikan ibu bapa dengan kesukaran mengajar anak terhadap pendedahan bahasa.

Didapati nilai p^* ujian khi kuasa dua adalah 0.070 iaitu $p > .05$. Dengan ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan ibu bapa sama ada daripada yang kalangan berkelulusan darjah 6,

PMR mahu pun SPM dengan tahap kesukaran mengajar anak tentang asas bacaan. Maka, hipotesis nol (H_0) diterima.

Hipotesis 3: Tidak ada perbezaan yang signifikan antara hubungan jumlah pendapatan ibu bapa dengan usaha mengajar anak terhadap pendedahan bahasa.

Didapati nilai p^* ujian khi kuasa dua adalah 0.968 iaitu $p > .05$. Dengan ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan di antara jumlah pendapatan ibu bapa sama ada daripada yang berpendapatan tinggi, sederhana atau rendah untuk mengajar anak tentang asas bacaan. Maka, hipotesis nol (H_0) diterima.

Hipotesis 4: Tidak ada hubungan yang signifikan antara hubungan pengetahuan ibu bapa tentang kaedah mengajar dengan keperluan untuk mendapat pendedahan tentang kaedah untuk mengajar anak terhadap pendedahan bahasa.

Didapati nilai p^* ujian khi kuasa dua adalah 0.214 iaitu $p > .05$. Dengan ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan di antara pengetahuan ibu bapa tentang kaedah mengajar anak dengan keperluan untuk mendapat pendedahan tentang kaedah pengajaran bagi tujuan untuk mengajar anak mereka tentang asas bacaan. Maka, hipotesis nol (H_0) diterima.

Hipotesis 5: Tidak ada perbezaan yang signifikan antara hubungan minat membaca pelajar dengan usaha yang berterusan dijalankan oleh ibu bapa terhadap pendedahan bahasa.

Didapati nilai p^* ujian khi kuasa dua adalah 0.492 iaitu $p > .05$. Dengan ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan di antara minat membaca di kalangan pelajar dengan usaha yang berterusan sebagaimana dijalankan oleh ibu bapa bagi menyemarakkan budaya membaca di kalangan anak-anak mereka. Sebaliknya minat membaca mereka lebih terdorong untuk menguasai bacaan bagi mencapai cita-cita mereka untuk bekerja sebagai pegawai kerajaan dalam pelbagai bidang dan sektor awam seperti polis, tentera, jururawat dan doktor. Maka, hipotesis nol (H_0) diterima.

Hipotesis 6: Tidak ada perbezaan yang signifikan antara hubungan pandangan untuk mengajar anak oleh ibu bapa dengan kepada siapakah yang harus dipersalahkan jika anak-anak mereka gagal menguasai asas bacaan terhadap pendedahan bahasa.

Didapati nilai p^* ujian khi kuasa dua adalah 0.324 iaitu $p > .05$. Dengan ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan di antara tahap kesukaran mengajar oleh ibu bapa dengan pihak mana yang harus dipersalahkan apabila anak-anak mereka gagal menguasai asas bacaan, maka hipotesis nol (H_0) diterima.

Bahagian 2: Sikap dan motivasi subjek kajian terhadap bahasa Melayu peringkat asas bacaan. (Rujuk Lampiran B)

Bahagian ini bertujuan untuk memperoleh maklumat tentang sikap dan motivasi subjek kajian terhadap pendedahan bahasa Melayu peringkat bacaan asas yang diajarkan kepada mereka. Pada masa yang sama adakah sikap

dan motivasi subjek kajian mempengaruhi penguasaan kemahiran asas bacaan mereka.

Hipotesis 1 : Tidak ada perbezaan yang signifikan antara hubungan tahap kesukaran modul dengan minat membaca modul terhadap motivasi subjek kajian.

Didapati nilai p^* ujian khi kuasa dua adalah 0.207 iaitu $p > .05$. Dengan ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan di antara tahap kesukaran modul dengan minat membaca modul untuk menguasai bacaan asas, maka hipotesis nol (H_0) diterima.

Hipotesis 2: Tidak ada perbezaan yang signifikan antara hubungan modul boleh membantu dengan cita-cita terhadap motivasi subjek kajian.

Didapati nilai p^* ujian khi kuasa dua adalah 0.936 iaitu $p > .05$. Dengan ini menunjukkan tidak terdapatnya hubungan yang signifikan di antara tahap kesukaran modul dengan minat membaca modul untuk menguasai bacaan asas, maka hipotesis nol (H_0) diterima.

Hipotesis 3: Tidak ada perbezaan yang signifikan antara hubungan tahap meminati modul dengan kekerapan membaca modul terhadap sikap subjek kajian.

Didapati nilai p^* ujian khi kuasa dua adalah 0.000 iaitu $p < .05$. Dalam keputusan ini hipotesis alternatif (H_a) diterima. Ini menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan di antara tahap meminati modul dengan kekerapan membaca modul untuk menguasai bacaan asas.

Hipotesis 4: Tidak ada perbezaan yang signifikan antara hubungan pandangan ibu bapa terhadap modul dengan pandangan subjek kajian terhadap modul berhubung dengan sikap subjek kajian.

Didapati nilai p^* ujian khi kuasa dua adalah 0.000 iaitu $p < .05$. Dalam keputusan ini hipotesis alternatif (H_a) diterima. Ini menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan di antara pandangan ibu bapa terhadap modul dengan pandangan subjek kajian terhadap modul untuk menguasai bacaan asas. Ibu bapa dan subjek kajian menunjukkan sikap yang amat positif terhadap kandungan isi pelajaran yang terdapat dalam modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1).

Bahagian 3 : Kebolehpercayaan instrumen kajian. (Rujuk Lampiran C)

Bagi memastikan tahap kebolehpercayaan bahan yang digunakan sebagai instrumen, pengkaji telah melaksanakan langkah dengan mengadakan uji dan uji kembali ke atas isi kandungan modul tersebut. Kesemua dapatan daripada data ujian yang dijalankan ke atas subjek kajian telah direkodkan ke dalam Senarai Rekod markah subjek kajian yang dibina khas. Kedua-dua ujian tersebut telah dianalisis bagi mendapatkan keputusan sama ada bahan tersebut menepati atau tidak objektif kajian yang ditentukan untuk menganalisis penguasaan subjek kajian dalam kemahiran asas bacaan.

Dengan dapatan tahap kebolehpercayaan bahan ujian (Rujuk Jadual 3) yang mencatatkan nilai alpha 0.960 untuk peringkat pra ujian dan 0.891

untuk peringkat pasca ujian bagi kumpulan 1 (25 orang) subjek kajian. Dan nilai alpha 0.978 untuk pra ujian serta 0.970 untuk pasca ujian bagi kumpulan 2 (10 orang) subjek kajian sebagaimana dipaparkan dalam jadual di atas. Pengkaji membuat kesimpulan bahawa instrumen (Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)) mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi, kerana kedua-dua set data didapati mempunyai perhubungan yang kuat. Hal ini membuktikan bahawa subjek kajian berjaya menguasai asas bacaan dalam bacaan asas yang berasaskan kepada pendedahan bahasa dengan menggunakan modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1) dengan tahap pencapaian penguasaan yang sangat bagus. Demikian juga halnya dengan dapatan kajian yang diperoleh penyelidik melalui penganalisisan data-data yang sama setelah dianalisis berdasarkan khi kuasa dua Korelasi Pearson. Dalam hal ini tafsiran nilai pekali r mengikut Guilford dijadikan tafsirannya (Rujuk Jadual 4 dan 5).

Kesimpulan

Jelaslah bahawa faktor-faktor ekstralinguistik seperti pendedahan bahasa, peranan ibu bapa atau penjaga, sikap pelajar serta motivasi mereka yang tinggi untuk menguasai asas bacaan adalah sangat diperlukan bagi membolehkan mereka menguasai asas bacaan dalam bahasa Melayu. Selain dari itu kesesuaian bahan yang didedahkan kepada mereka juga turut berperanan untuk merangsang motivasi mereka ke arah meningkatkan minat membaca dan seterusnya menguasai asas bacaan. Diharapkan negara akan dapat menyelesaikan masalah buta huruf, dan akhirnya akan menyediakan guna tenaga manusia yang memenuhi kriteria modal insan yang berkualiti bagi memainkan peranan untuk memacu pembangunan negara dalam pelbagai bidang dan sekali gus akan dapat merealisasikan dan melestarikan agenda Wawasan 2020 terutama dalam aspek untuk melahirkan modal insan yang berkualiti.

Bibliografi

- Ananda Kumar Palaniappan (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Pearson Malaysia Sdn. Bhd. Selangor DE.
- Chomsky, N. (1967). *Review of Skinner's Verbal Behaviour* dlm. Jakobovits, L.A. dan Miron, M.S. dlm. *Readings Psychology of Language*. Eaglewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Chua Yan Piaw (2006). *Asas Statistik Penyelidikan (Buku 2)*. Mc. Graw Hill: Kuala Lumpur.
- Muhammad Saiful Haq bin Hussin (2001). *Masalah Penguasaan Kosa Kata Asas di Kalangan Pelajar Tahun 1*. Tesis Master Sastera, Universiti Putra Malaysia. Serdang, SELANGOR DE.
- Muhammad Saiful Haq bin Hussin (2006). *Amalan Psikolinguistik dalam Pemahaman Bacaan Asas Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Muda*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia. Serdang, SELANGOR DE.
- Noor Aina Dani (1998). "Unsur-Unsur Ekstralinguistik dalam Pemelajaran Bahasa." dlm. *Jurnal Bahasa*, Jld. 42 Bil.6 Jun, hlm. 524-533.
- Noor Aina Dani (2000). *Kaedah Penyelidikan Bahasa Melayu*, Serdang: IDEAL UPM.
- Noor Aina Dani (2007). "Ujian Khi Kuasa Dua untuk Penyelidikan Psikolinguistik." dlm. *Prosiding Seminar Antarabangsa Psikolinguistik 1*, hlm. 37-46.
- Tolman, E.C. (1932). *Purposive Behavior in Animals and Men*. New York: Appleton-Century-Crofts.
- Tolman E.C. (1949). "Principles of Purposive Behaviour". Dalam S. Koch (ed.) *Psychology: A Study of Science*. New York: Mc Graw-Hill, pp. 92-157.

LAMPIRAN A

Keputusan kajian

Bahagian 1 : Pendedahan Bahasa

Jadual 1 : Pendedahan Bahasa

Hipotesis	Perkaitan	(p^*)	(X^2)	(X^2k)	(dk)	Keputusan
1	jenis pekerjaan ibu bapa * pendedahan bahasa	0.503 $p^* > .05$	1.373	5.991	2	Terima H_0
2	tahap pendidikan ibu bapa * kesukaran mengajar anak	0.070 $p^* > .05$	5.327	5.991	2	Terima H_0
3	pendapatan ibu bapa * usaha mengajar anak	0.968 $p^* > .05$	0.257	7.815	3	Terima H_0
4	pengetahuan ibu bapa tentang kaedah mengajar * keperluan mendapat pendedahan tentang kaedah mengajar	0.214 $p^* > .05$	1.544	3.841	1	Terima H_0
5	minat membaca pelajar * usaha yang berterusan daripada ibu bapa	0.492 $p^* > .05$	0.472	3.841	1	Terima H_0
6	pandangan untuk mengajar anak oleh ibu bapa * siapa harus dipersalahkan	0.324 $p^* > .05$	0.972	3.841	1	Terima H_0

Nilai Aras Kesignifikanan (p^*)

Nilai Khi Kuasa Dua (X^2)

Nilai Kritikal Khi Kuasa Dua (X^2k)

Darjah Kebebasan (dk)

LAMPIRAN B

Keputusan kajian

Bahagian 2: Sikap dan motivasi subjek kajian terhadap bahasa Melayu peringkat asas bacaan.

Jadual 2 : Sikap dan motivasi subjek kajian.

Hipotesis	Perkaitan	(p^*)	(X^2)	(X^2k)	(dk)	Keputusan
1	tahap kesukaran modul*minat membaca modul terhadap motivasi	0.207 $p^* > .05$	1.591	3.841	1	Terima Ho <i>Fisher's Exact Test</i> 0.496 (2-ekor) 0.319 (1-ekor)
2	modul boleh membantu*cita-cita terhadap motivasi	0.936 $p^* > .05$	0.133	5.991	2	Terima Ho
3	tahap meminati modul*kekerapan membaca modul terhadap sikap	0.000 $p^* < .05$	35.000	5.991	2	Terima Ha <i>Contingency Coefficient</i> 0.707
4	pandangan ibu bapa * pandangan subjek kajian terhadap modul berhubung dengan siap	0.000 $p^* < .05$	35.000	5.991	1	Terima Ha <i>*Fisher's Exact Test</i> 0.029

Nilai Aras Kesignifikanan (p^*)

Nilai Khi Kuasa Dua (X^2)

Nilai Kritikal Khi Kuasa Dua (X^2k)

Darjah Kebebasan (dk)

LAMPIRAN C

Keputusan kajian

Bahagian 3 : Kebolehpercayaan Instrumen Kajian.

Jadual 3 : Kebolehpercayaan Bahan Ujian

Ujian Keputusan	Kumpulan 1 (25 orang)		Kumpulan 2 (10 orang)	
	Pra ujian $\alpha = 0.960$	Pasca ujian $\alpha = 0.891$	Pra ujian $\alpha = 0.978$	Pasca ujian $\alpha = 0.970$

Jadual 4 : Korelasi Pearson antara Pra ujian dan Pasca ujian (Prabacaan)

		A1 - A8 (Pra ujian)	A1 - A8 (Pasca ujian)
A1 - A8 (Pra ujian)	<i>Pearson Correlation</i>	1	.541**
	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.001
A1 - A8 (Pasca ujian)	<i>Pearson Correlation</i>	.541**	1
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.001	

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).
Di antara .41 - .70 Korelasi sederhana; hubungan yang teguh.

Jadual 5 : Korelasi Pearson antara Pra ujian dan Pasca ujian (Bacaan)

		P1 - P10 (Pra ujian)	P1 - P 10 (Pasca ujian)
P1 - P10 (Pra ujian)	<i>Pearson Correlation</i>	1	.544**
	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.001
P1 - P 10 (Pasca ujian)	<i>Pearson Correlation</i>	.544**	1
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.001	

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).
Di antara .41 - .70 Korelasi sederhana; hubungan yang teguh.